

**MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM  
(BAHAGIAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM)**

AKHBAR : SINAR HARIAN  
TARIKH : 04 OKTOBER 2016

## **Promosi menarik ulang tahun Shah Alam** *u/10/kec/SH*

**SHAH ALAM** - Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) akan menganjurkan pelbagai aktiviti dan promosi menarik sepanjang Oktober sempena Ulang Tahun Bandar Raya Shah Alam Ke-16.

Datuk Bandar Shah Alam, Datuk Ahmad Zaharin Mohd Saad berkata, aktiviti tersebut akan diadakan bermula 8 hingga 29 Oktober.

"Pada 8 dan 9 Oktober, kami adakan Program Hari Belia dan Karnival Bandar Selamat Shah Alam bertempat di Stadium Shah Alam.

"Terdapat juga program Industrial Exciting Hunt 2016, Pelancaran Pengasingan Sisa Sampah Di Rumah dan

Edaran Tong Sampah Fasa 2 serta Mizuno Shah Alam Wave Run 2016 di lokasi berbeza," katanya.

Menurutnya, pada 10 Oktober, MBSA akan menyampaikan cenderahati kepada bayi yang lahir pada hari tersebut di Hospital Shah Alam.

"Hari seterusnya turut diadakan bacaan Yasin, tahlil dan doa selamat, hari bertemu pelanggan, pertandingan memancing dan banyak lagi," katanya.

Selain itu, MBSA turut menawarkan pelbagai promosi perkhidmatan percuma termasuk pengurangan kompaun sehingga 50 peratus.